

PENUTUP:

RUMUSAN

DAN

CADANGAN

PENUTUP:

RUMUSAN DAN CADANGAN

Tesis ini telah memulakan perbincangan dengan menghuraikan istilah pinjaman yang selama ini diguna pakai sama dengan istilah pembiayaan, tanpa ada perbezaan. Dalam perlaksanaan Skim Perbankan Tanpa Faedah, istilah pinjaman dan pembiayaan mempunyai perbezaan yang sangat ketara. Islam tidak membenarkan apa-apa keuntungan berlaku dalam transaksi pinjaman, sebaliknya Islam hanya membenarkan keuntungan berlaku melalui mekanisme pembiayaan yang bersih daripada unsur-unsur riba.

Larangan mengambil faedah riba dalam transaksi pinjaman dan pembiayaan adalah berdasarkan terdapatnya unsur-unsur riba yang diharamkan oleh Allah dan RasulNya. Oleh itu, tesis ini telah menerangkan kenapa riba itu diharamkan dalam Islam dan begitu juga oleh agama-agama lain. Pengharaman riba juga dilihat dari sudut aqidah, akhlak, sosial dan ekonomi. Dari sudut aqidah, amalan riba sangat dikutuk oleh Allah s.w.t., sehingga sesiapa yang mengingkari hukum haramnya riba boleh menjaskan aqidahnya sendiri. Dari sudut akhlak, orang yang memakan riba adalah orang yang bersifat kejam dan tidak berperikemanusiaan serta boleh merendahkan akhlak seseorang. Dari sudut sosial, orang yang memakan riba terutama pada waktu orang lain sedang menghadapi kesempitan boleh menghapuskan hubungan *silah al-rahim* dan *mahabbah* dalam masyarakat Islam. Dari sudut ekonomi, orang-orang yang memakan riba adalah orang yang suka mengambil keuntungan secara tidak bermoral dan boleh menyebabkan harga barang melambung naik berlipat-kali ganda dari harga asal.

Riba telah diharamkan oleh Allah s.w.t. secara berperingkat-peringkat selepas RasuluLlah s.a.w. dilantik menjadi Rasul. Pada peringkat permulaan Allah s.w.t. hanya sekadar menyatakan kebencianNya terhadap perbuatan riba. Peringkat kedua, Allah s.w.t. menjanjikan azabNya yang pedih ke atas sesiapa sahaja yang mengambil riba. Peringkat ketiga, Allah s.w.t. mengharamkan orang-orang yang beriman dari memakan riba secara berlebih-lebihan. Peringkat akhir, Allah s.w.t. bertindak mengharamkan samasekali secara putus (*Qat'i*) terhadap semua bentuk riba, samada yang berlebih-lebihan ataupun yang hanya melibatkan jumlah yang sedikit.

Untuk memberikan garis panduan bagi mengenal pasti sesuatu transaksi urusniaga yang dijalankan itu terdapat unsur-unsur riba atau tidak, maka tesis ini telah menerangkan jenis-jenis riba yang terdiri daripada riba *al-Nasi'ah* dan riba *al-Fadl*, serta ciri-ciri yang boleh menyebabkan sesuatu transaksi urusniaga Mu'amalah Islam itu terdapat unsur-unsur riba, di samping membawa suatu gambaran sejarah sebab-sebab berlakunya amalan riba *al-Nasi'ah* dan riba *al-fadl*, terutama dalam transaksi pinjaman dan pimbiayaan.

Suatu perkara yang penting untuk menghapuskan riba ialah sejauh mana peranan sesebuah institusi kewangan bank, syarikat kewangan dan kopersi Islam itu mempunyai kesediaan untuk melaksanakan operasinya dengan urusniaga yang berlandaskan hukum-hukum Mu'amalat Islam. Oleh itu tesis ini cuba menonjolkan latar belakang sejarah perkembangan sistem Mu'amalat Islam yang melibatkan institusi bank, koperasi dan pajak gadai Islam.

Julung kali perlaksanaan sistem Mu'amalat Islam telah dipelopori oleh Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) yang mula beroperasi pada tahun 1983. Bank Islam berjaya melaksanakan Mu'amalat Urusan Bank dan Kewangan Tanpa Riba dalam operasi bank sepenuhnya. Kini Bank Islam telah mempunyai 52 rangkaian di seluruh negara yang mengutamakan prinsip berkongsi untung rugi dalam sistem yang menjamin keadilan sosial secara lebih saksama dalam pengagihan untung rugi kepada pendeposit, pelabur dan pemilik saham. Pinjaman Bank Islam kepada pelanggan adalah diambil daripada akaun simpanan dengan meminta izin daripada penyimpan, tetapi Bank berjanji bila-bila masa akan menyerahkan wang penyimpan sekiranya diminta. Bank tidak menjanjikan faedah interest kepada penyimpan, Bank hanya mengeluarkan keuntungan di akhir bulan untuk mengelak dari terlibat dengan urusniaga riba.

Bank Islam Malaysia Berhad adalah satu-satunya bank perdagangan yang terulung di Malaysia berjalan di atas landasan urusniaga Mu'amalat Islam, maka atas dasar perniagaan ia bertanggungjawab membayar zakat, sedangkan zakat adalah suatu ciri penting yang membezakan dari institusi kewangan konvensional, tanpa membayar zakat, sekalipun operasinya berlandaskan Mu'amalat Islam, nescaya Allah s.w.t. tidak akan memberkati urusniaganya dan keuntungan yang diperolehnya..

Berdasarkan kepada perkembangan Bank Islam yang berjaya melaksanakan operasi bank sepenuhnya dengan sistem Mu'amalat Islam yang mantap, maka Bank Islam disaran agar dapat memperbanyak lagi cawangannya di seluruh negara setanding dengan bank-bank konvensional yang lain agar ia dapat menangani urusniaga yang diperlukan oleh umat Islam di setiap tempat, sekalipun di tempat-

tempat yang terpencil. Walaubagaimanapun Bank Islam juga disaran agar memudahkan birokrasi urusniaganya dalam melaksanakan taransaksi pinjaman dan pembiayaan serta menimbang keuntungan yang dianggap tinggi dalam pembiayaannya agar umat Islam tidak memilih bank konvensional lain yang berusursniaga dengan urusingaa riba, kerana dianggap oleh mereka urusniaganya lebih mudah dan lebih rendah.

Sistem Mu'amalat Islam menerima perkembangan yang paling ketara dengan pelancaran Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) pada 4hb. Mac, 1993 untuk dilaksanakan oleh bank-bank konvensional. Tiga buah bank perdagangan yang tebesar dipilih bagi menjalankan Skim Perbankan Tanpa Faedah itu, iaitu Bank Bumiputera Malaysia Berhad (BBMB), Malayan Banking Berhad (Maybank) dan United Malayan Banking Coporation Berhad (UMBC). Sambutan terhadap pelanggan terhadap Skim tersebut diluar dugaan, kerana dalam tempoh 6 bulan pertama selepas ianya dilancarkan, sebanyak RM90 juta deposit telah dapat dilkumpul oleh ketiga-tiga bank tersebut menerusi 13,916 akaun simpanan pelanggan dan 866 akaun pelaburan dan beroperasi dengan baik di 281 buah cawangan dari seluruh negara.

Sambutan terhadap Skim Perbankan Tanpa Faedah itu tidak hanya terbatas kepada umat Islam semata-mata, bahkan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat bukan Islam. Melihat kepada perkembangan yang baik itu, maka 10 buah bank lagi telah diluluskan untuk menjalankan Skim Perbankan Tanpa Faedah. Sehingga akhir tahun 1993 bilangan institusi kewangan daripada bank yang telah melaksanakan Skim Perbankan Tanpa Faedah telah bertambah menjadi 21 buah bank. Akhirnya pada tahun 1994, semua institusi

kewangan bank dan syarikat-syarikat kewangan telah disarankan agar dapat menawarkan kemudahan Skim Perbankan Tanpa Faedah, terutama dalam transaksi pinjaman dan pembiayaan kepada pelanggan. Kajian mendapati pada akhir tahun 1994 Skim Perbankan Tanpa Faedah telah dilaksanakan oleh 37 buah bank perdagangan, 12 buah bank saudagar dan 41 buah syarikat kewangan, sekalipun dengan hanya melaksanakan satu atau dua mekanisme Mu'amalat sahaja, seperti mekanisme *al-Wad'ah*, *al-Bai' Bithaman Ajil* dan *al-Mudarabah*.

Dalam keghairahan institusi bank dan syarikat kewangan untuk menawarkan Skim Perbankan Tanpa Faedah kepada pelanggan masing-masing, maka pengalaman dan kepakaran Bank Islam Malaysia (BIMB) selama 10 tahun banyak membantu perlaksanaan skim tersebut berjalan dengan lancar. Bank Islam dianggap sebagai pakar rujuk dalam melaksanakan Mu'amalat Urusan Bank dan Kewangan Tanpa Riba di kalangan bank-bank konvensional, kepakaran Bank Islam tidak hanya dimanfaatkan oleh bank-bank konvensional di Malaysia sahaja, tetapi dinikmati sama oleh negara-negara Islam yang lain, seperti Indonesia dan Brunei.

Perkembangan Mu'amalat membawa kepada suatu lagi perubahan yang lebih jauh dengan kesediaan beberapa buah bank konvensional untuk menukar sistem urusan bank yang sedia ada kepada sistem Mu'amalat Urusan Bank dan Kewangan Islam dalam operasi sepenuhnya. Bank Rakyat Malaysia mendahului bank-bank lain dengan perisytiharan daripada pengerusinya pada 23hb. Mei, 1995 untuk bertukar kepada Mu'amalat Urusan Bank dan Kewangan Tanpa Riba, sekalipun perlaksanaannya dilakukan secara berperingkat-peringkat, namun ia adalah suatu usaha yang sangat baik dalam sejarah perkembangan Mu'amalat Islam di Malaysia.

Pelancaran Skim Perbankan Tanpa Faedah tidak hanya disambut baik oleh institusi kewangan Islam daripada bank dan syarikat-syarikat kewangan sahaja, tetapi juga disambut baik oleh masyarakat Islam dengan menubuhkan koperasi-koperasi Islam dan pajak gadai Islam. Peranan koperasi Islam dan pajak gadai Islam dalam memberikan pinjaman dan pembiayaan tidak boleh dianggap kecil, kerana kedua-dua institusi tersebut telah melibatkan jumlah pinjaman dan pembiayaan yang besar serta bilangan pencarum dan pelanggannya yang ramai. Dalam transaksi pinjaman al-Qard al-Hasan sahaja, kopersi Islam dan pajak gadai Islam melebihi jumlah yang telah dikeluarkan oleh Bank Islam. Tetapi kajian mendapati tidak ada sebahapun bank konvensional yang menawarkan perkhidmatan pinjaman al-Qard al-Hasan setakat ini. Bank-bank konvensional disaran agar tidak ketinggalan dalam merebut suatu bentuk urusniaga yang sangat dituntut oleh Allah ini untuk mengimbangi antara keuntungan meterial yang diperolehi dengan nilai keberkatan akhirat yang lebih berharga.

Melihat kepada sistem Mu'amalat yang dilaksanakan oleh institusi kewangan daripada bank, syarikat kewangan, koperasi dan pajak gadai Islam, maka ada dua bahagian terbesar yang telah menjadi tumpuan dalam kajian tesis ini; Pertama ialah Pinjaman Tanpa Riba, kedua ialah Pembiayaan Tanpa Riba. Kajian yang telah dibuat mendapati bahawa Pinjaman Tanpa Riba terdapat dalam mekanisme al-Qard al-Hasan dan Pajak Gadai Islam (al-Rahn). Pembiayaan Tanpa Riba pula menggunakan mekanisme Mu'amalat yang lebih banyak, tetapi yang cuba dilaksanakan oleh bank-bank konvensional di peringkat permulaan ialah mekanisme pembiayaan al-Bai' Bithaman Ajil, al-Murabahah dan al-Mudarabah sahaja.

Selepas pelancaran Skim Perbankan Tanpa Faedah pada tahun 1993, transaksi Pinjaman Tanpa Riba lebih ketara dapat dilihat dengan tertubuhnya tiga institusi pinjaman, melalui mekanisme pajak gadai al-Rahn, iaitu yang beroperasi di atas nama Muassasah Gadaian Islam Terengganu (MGIT), Sistem Pajak Gadai Islam al-Rahn Kelantan dan Pajak Gadai Islam al-Rahn Bank Rakyat. Masalah yang dihadapai oleh institusi pinjaman Pajak Gadai al-Rahn ialah di sudut undang-undang Pajakgadai di bawah kuasa Kerajaan Tempatan yang tidak memberikan sebarang peruntukan secara khusus kepada al-Rahn untuk beroperasi mengikut lunas-lunas Islam. Sekarang ini al-Rahn berjalan di bawah undang-undang Pajak Gadai yang berunsur riba. Setiap penubuhan pajak gadai al-Rahn terpaksa membayar yuran yang sangat tinggi kepada Kerajaan Tempatan berjumlah RM7,000.00 setahun, berbanding dengan penubuhan sebuah bank yang hanya dikenakan RM5,000.00 sahaja setahun.

Undang-undang Pajak Gadai juga memberi peruntukan hanya 10 buah pajak gadai sahaja yang dibenarkan beroperasi dalam sesebuah daerah, sekarang ini al-Rahn masih boleh beroperasi di bawah undang-undang tersebut dengan cara tersendiri, tetapi dengan cara tersebut ia tidak dapat menjamin kekal wujud secara berterusan untuk jangka masa yang lebih lama, kerana al-Rahn hanya boleh beroperasi sekiranya ia berjaya mendapat tender di bawah Kerajaan Tempatan pada setiap tahun. Oleh itu al-Rahn tidak sesuai beroperasi di bawah Akta Pajakgadai yang ada itu.

Mekanisme pinjaman al-Qard al-Hasan didapati tidak mendapat sambutan langsung daripada bank-bank konvensional, Bank Islam Malaysia Berhad yang

melaksanakan urusniaga kewangan Islam sepenuhnya juga tidak begitu berminat untuk memberikan perkhidmatan pinjaman *al-Qard al-Hasan*. Antara sebab yang telah dikenal pasti melalui soalselidik ialah kerana terdapat pelanggan-pelanggan yang menyelewengkan wang pinjaman yang telah diberikan kepada mereka, kerana itu timbul kurang keyakinan untuk melaksanakan skim tersebut, kecuali dengan hanya melibatkan jumlah pinjaman yang sedikit, lebih rendah daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh sebuah koperasi Islam yang kecil seperti Koperasi Belia Islam (KBI), Koperasi Muslimin dan KOHILAL.

Oleh itu kajian tesis ini mendapati skim pinjaman *al-Qard al-Hasan* lebih banyak dijalankan oleh koperasi Islam dan menjadi aktiviti koperasi yang terpenting daripada aktiviti pembiayaan. Walaupun pinjaman *al-Qard al-Hasan* hanya melibatkan jumlah pinjaman individu yang terbatas sebanyak RM5,000.00 ke bawah, tetapi ternyata skim pinjaman *al-Qard al-Hasan* ini melibatkan jumlah peminjam yang sangat ramai. Ini menunjukkan bahawa masyarakat Islam masih ramai sangat yang memerlukan bantuan pinjaman dalam bentuk *al-Qard al-Hasan* sekalipun dengan hanya jumlah pinjaman wang yang sedikit.

Memang benar perkhidmatan pinjaman *al-Qard al-Hasan* ini tidak mendatangkan keuntungan meterial kepada mana-mana institusi kewangan yang menawarkannya, bahkan kadang-kadang menambah masalah kerana pinjaman tidak dibayar atau diselewengkan atau peminjam mungkir janji. Oleh kerana itu hingga sekarang ini belum ada institusi kewangan daripada bank yang berminat untuk tampil ke hadapan bagi mengendalikan skim pinjaman *al-Qard al-Hasan* secara profesional. Walaupun Bank Islam, Koperasi Muslimin dan Kohilal

memberikan pinjaman *al-Qard al-Hasan*, tetapi masih dianggap suatu aktiviti yang terhad dan terbatas dengan peruntukan wang yang ada.

Sumbangan pinjaman *al-Qard al-Hasan* Bank Islam pada tahun 1995 hanya berjumlah RM1,700, sumbangan *al-Qard al-Hasan* Koperasi Muslimin pada tahun 1995 sebanyak RM177,043.30 , sumbangan *al-Qard al-Hasan* Kohilal pula untuk tahun 1994 sebanyak RM399,800.01.

Oleh itu, apa yang dapat dijelaskan oleh tesis ini ialah pinjaman *al-Qard al-Hasan* adalah suatu aktiviti kebajikan. Kegiatannya tidak menghasilkan nilai keuntungan material, tetapi pemberian pinjamannya tidak merugikan institusi kewangan, kerana *al-Qard al-Hasan* bukan pemberian percuma. Pelanggan akan membayar semula wang yang dipinjam tanpa membayar apa-apa faedah. Sebab itu mekanisme *al-Qard al-Hasan* kurang diminati oleh institusi kewangan. Tetapi kenapa *al-Qard al-Hasan* sangat dianjurkan oleh Islam, kerana nilai keuntungannya tidak diukur dari sudut material. Mekanisme *al-Qard al-Hasan* lebih kepada alat yang paling penting untuk institusi kewangan mengimbangkan daya spiritual institusi, kakitangan dan para pelanggannya, ke arah mengimbangi kegolojohan nafsu kebendaan, tamak harta, hamba abdi kepada wang dan kekayaan.

Kajian telah mendapati wang pinjaman melalui *al-Rahn* dan *al-Qard al-Hasan* tidak hanya digunakan oleh pelanggan untuk tujuan kebajikan semata-mata, tetapi juga digunakan untuk dijadikan modal perniagaan bagi megatasi kesulitan hidup. Keadaan tersebut diharuskan kerana bukan untuk membuka perniagaan atau

perusahaan besar seperti yang dilakukan oleh ahli-ahli korporat, usahawan dan pelabur yang tujuannya mencari keuntungan besar.

Masyarakat Islam sekarang ini sudah banyak terpengaruh dengan dunia korporat, iaitu setiap perkhidmatan mesti ada ganjaran upahnya, sedangkan amalan suka memberikan pinjaman melalui skim al-Qard al-Hasan dan al-Rahn banyak membantu sakhsiah para pemilik harta kekayaan, para pelabur, usahawan dan ahli-ahli korporat. Perbuatan suka memberi pinjaman itu menjadi tali penghubung yang mengikat mereka dengan aqidah iman, akhlak dan Mu'amalat, sekiranya pinjaman itu diberi semata-mata mencarai keredaan Allah, menjadikannya sebagai alat untuk mereka menjalani kehidupan, sesuai dengan tuntutan Shari'at Allah s.w.t.. Kesediaan mereka memberi pinjaman melalui mekanisme al-Qard al-Hasan dan al-Rahn adalah merupakan tarbiyyah yang boleh mendidik sakhsiah dan akhlak mereka untuk menjadi orang yang tidak tamak dan tidak dilalaikan dengan kekayaan.

Oleh itu, sekalipun kegiatan 'al-Qard al-Hasan' tidak menghasilkan keuntungan dari sudut meterial, tetapi setiap orang yang memberi pinjaman al-Qard al-Hasan tidak akan merugikan institusi kewangan itu sendiri, kerana pinjaman al-Qard al-Hasan bukan pemberian percuma. Pelanggan diwajibkan membayar semula wang yang dipinjamnya dahulu tanpa membayar apa-apa faedah atau interest. Ini juga salah satu faktor kenapa pinjaman al-Qard al-Hasan sangat dianjurkan oleh Islam. Mekanisme pinjaman al-Qard al-Hasan dan al-Rahn lebih kepada alat yang paling penting untuk institusi kewangan megimbangi daya

kekuatan dalaman kakitangannya serta para pelanggannya daripada desakan nafsu yang tamak harta, hamba abdi kepada wang dan kekayaan.

Masalah yang dihadapi sekarang ialah bagaimakah institusi pinjaman al-Qard al-Hasan dan al-Rahn itu harus diwujudkan dengan cara yang lebih profesional, lebih efektif dan berdaya maju tanpa halangan dari sudut teknikal, peraturan dan operasi. Bagi menjawab persoalan tersebut tesis ini telah mencadangkan :

Setiap institusi kewangan Islam, terutama perbankan Islam yang belum mewujudkan skim pinjaman al-Qard al-Hasan dan al-Rahn hendaklah menubuhkan skim pinjaman al-Qard al-Hasan untuk mengimbangi keuntungan urusniaganya, dengan keuntungan yang lebih besar dari sudut nilai-nilai rohaniah.

Sekiranya "Pelaburan Antara Bank Secara Islam" dan "Sistem Penjelasan Cek Secara Islam" atau "Tabung Serambi Mekah" di Kelantan, dan "Skim Pinjaman al-Qard al-Hasan" oleh koperasi-koperasi Islam boleh diwujudkan, apakah "Sistem Pinjaman al-Qard al-Hasan" tidak boleh diwujudkan oleh kerajaan demi kepentingan yang lebih besar dan utama, sebagai menyahut seruan Allah di samping mengharapkan nilai keuntungan maknawi yang lebih berharga dan lebih menguntungkan dari 18 kali keuntungan pelaburan saham, atau lebih dari 700 kali ganda pahala orang yang bersedekah.

Sebuah Bank Pinjaman *al-Qard al-Hasan*, harus ditubuhkan untuk mengurusniagakan dana pinjaman yang terkumpul. Menjadi tabung pinjaman *al-Qard al-Hasan* yang dianggotai oleh Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEM), Badan Amanah Ikhtiar Malaysia dan Koperasi-koperasi Islam yang terbukti banyak memberikan pinjaman *al-Qard al-Hasan*.

Selain dari mengadakan sistem penyelaras Akaun *al-Wadiyah* Antara Bank Secara *al-Qard al-Hasan*, Bank tersebut juga membuka "Akaun Simpanan *al-Wadiyah*" dan "Akaun Simpanan Semasa" kepada pelanggan-pelanggan terutama ahli-ahli korporat, usahawan dan pelabur supaya menyimpan wang mereka di Bank *al-Qard al-Hasan* yang memang tujuannya boleh dipinjamkan oleh Bank kepada orang lain, di samping tidak menafikan hak dan kepentingan keluar-masuk urusniaga mereka tetap berjalan seperti biasa, pada bila-bila masa yang dikehendakki.

Bank *al-Qard al-Hasan* ini boleh mengurusniagakan dan melaburkan wang *al-Qard al-Hasan* untuk mengerakkan pertumbuhan dana pinjaman agar lebih besar dan lebih ramai mendapat bantuan pinjaman dari Bank ini.

Bank ini boleh menerima segala bentuk waqaf, atau pemberian wang, atau harta dari umat Islam, untuk diurusniagakan atau dilaburkan, dengan tujuan menambah dana pinjaman *al-Qard al-Hasan*.

Bank ini boleh menerima pemberian zakat dari Baitulmal, kerana tujuannya adalah untuk membantu faqir miskin dan orang-orang yang memerlukannya, seperti memberikan pinjaman biasiswa atau pinjaman perubatan dan sebagainya.

Bank ini boleh menubuhkan anak syarikat subsidiarinya bagi menjalankan aktiviti perniagaan, perusahaan, perindustrian dan sebagainya, di mana segala keuntungan menjadi dana atau sumber kewangan *al-Qard al-Hasan*.

Aktiviti pinjaman *al-Qard al-Hasan* dan pajak gadai *al-Rahn* adalah suatu bentuk amalan yang sangat mulia di sisi Allah s.w.t.. Oleh itu semua institusi kewangan Islam, syarikat-syarikat kewangan Islam, Bank Islam, bank-bank konvensional yang menjalankan Skim Perbankan Tanpa Faedah, Finance Islam, koperasi-koperasi Islam, kerajaan atau bukan kerajaan adalah disarankan agar menjalankan perkhidmatan pinjaman *al-Qard al-Hasan* dan *al-Rahn*, dengan keyakinan yang lebih dan bersungguh-sungguh.

Kewajaran institusi *al-Qard al-Hasan* dan *al-Rahn* supaya ditubuhkan adalah tidak dapat dinafikan lagi, terutama dalam mengendalikan urusniaga pinjaman kebijakan samada bergerak sebagai sebuah bank atau sebagai sebuah syarikat pinjaman kewanga Islam atau koperasi Islam. Pihak-pihak yang bertanggungjawab daripada Kementerian Kewangan, Bank Negara, Kerajaan Tempatan, institusi bank-bank Malaysia secara bersepdu wajaralah melihat beberapa masalah daripada sudut undang-undang yang menghalang perjalanan *al-Rahn* beroperasi dengan baik. *al-Qard al-Hasan* dan *al-Rahn* patut mempunyai peruntukan undang-undangnya sendiri, supaya dapat beroperasi dengan lebih mantap dan berdaya maju, bukan menyelinap di celah-celah undang-undang dan peraturan urusniaga riba yang sedia ada.

Perkara kedua penting yang dibincangkan dalam tesis ini selepas membincangkan Pinjaman Tanpa Riba ialah perbincangan Pembiayaan Tanpa Riba. Pembiayaan yang paling banyak menjadi pilihan semua bank-bank konvensional untuk dilaksanakan daripada Skim Perbankan Tanpa Faedah ialah mekanisme pembiayaan *al-Bai^c Bithaman Ajil*, pembiayaan *al-Murābahah* dan pembiayaan *al-Mudārabah*.

Bank Islam yang ditubuhkan pada tahun 1983 juga didapati urusniaganya yang paling banyak dilaksankannya ialah urusniaga pembiayaan *al-Bai^c Bithaman Ajil*, pembiayaan *al-Murābahah* dan pembiayaan *al-Mudārabah*. terutama di tahun-tahun antara 1993 - 1996 yang lalu. Maka tidak mustahil bank-bank konvensional juga mempunyai pilihan yang sama dengan pelaksanaan urusniaga yang berlandaskan ketiga-tiga mekanisme tersebut itu, kerana ia sesuai dengan keperluan dalam perkembangan ekonomi negara dan kebetulan dengan meningkatnya permintaan daripada pelanggan dalam Skim Perbankan Tanpa Faedah seperti dalam Jadual di bawah ini:

Perlaksanaan Prinsip-prinsip Mu^camalat di BIMB (Bank):

Prinsip Mu^camalat	1994	1995	1996
<i>al-Bai^c Bithaman Ajil</i>	702,120	882,289	1,349,771
<i>al-Murābahah</i>	183,287	452,086	474,995
<i>al-Mudārabah</i>	3,354	11,347	19,878
Akaun Pelaburan	1,278,172	1,800,884	1,847,068
<i>al-Ijārah</i>	89,742	99,447	145,726
<i>al-Mushārakah</i>	17,709	17,779	19,987
<i>al-Qard al-Hasan</i>	914	1,700	1,646

Sumber: Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)

Pada umumnya Bank Islam mempunyai bilangan pendeposit seramai 399,328 yang melibatkan jumlah pembiayaan keseluruhannya bernilai RM97.9 juta dan membabitkan akaun pembiayaan sebanyak 29,962 dan pelaburan bank sebanyak RM1,546 juta serta keuntungan yang telah dibayar kepada pendeposit sebanyak RM87.7 juta.

Pelaksanaan Skim Perbankan Tanpa Faedah oleh bank-bank konvensional pula pada tahun 1995 mencatatkan jumlah sebanyak 54 buah bank di peringkat ibu pejabat dan 402 buah di peringkat cawangan, 123 buah bank perdagangan, 28 buah syarikat kewangan dan 3 buah bank saudagar. Jumlah pendeposit Skim Perbankan Tanpa Faedah pula ialah sebanyak RM4.9 bilion yang melibatkan jumlah pembiayaan sebanyak RM3.5 bilion.

Walaubagaimanapun Skim Perbankan Tanpa Faedah ini masih dalam peringkat awal perkembangan, dengan tertubuhnya Persatuan Institusi Perbankan Tanpa Faedah (AIBIM), serta sebuah institusi Kajian dan Latihan di bawah Bank Islam, adalah diharapkan sistem Mu'amalat Islam akan terus berkembang serta mendapat sambutan daripada masyarakat Islam dan bukan Islam yang lebih menyeluruh.

Masalah perlaksanaan Skim Perbankan Tanpa Faedah yang telah dikenal pasti dalam kajian tesis ini ialah masih terdapat beberapa unsur riba yang mengganggu kelancaran Skim Perbankan Tanpa Faedah, sekalipun transaksi tersebut dibuat berlandaskan pembiayaan tanpa riba dengan pihak Kerajaan

Malaysia, tetapi oleh kerana pelanggan terikat dengan transaksi jualbeli pertama dengan perjanjian Hire Purchase yang berdasarkan riba, maka setiap kelewatan pembiaya untuk membayar tuntutan berperingkat daripada pemaju perumahan akan dikenakan faedah riba kepada pelanggan.

Di samping itu terdapat juga berlakunya penjualan harta yang belum sempurna milik kepada pelanggan, serta tidak berlaku aqad jualbeli seperti yang dituntut oleh hukum jualbeli dalam Islam. Oleh itu adalah disarankan bahawa suatu ketetapan dan peraturan harus dibuat kepada pemaju perumahan atau hartanah agar setiap harta yang hendak dijual kepada pelanggan yang ingin mendapatkan pembiayaan di bawah Skim Perbankan Tanpa Faedah hendaklah menggunakan urusniaga Skim Perbankan Tanpa Faedah sahaja, supaya tidak berlaku pertindihan transaksi dalam pembiayaan, antara jualbeli Hire Purchase yang melibatkan riba dengan jualbeli Islam tanpa riba.

Sekiranya perjanjian asal jual beli antara pelanggan dengan pemaju atau pemilik hartanah terlibat dengan transaksi yang berunsur riba, maka pembiaya samada bank atau kerajaan hendaklah membeli terlebih dahulu harta tersebut bagi pihak pelanggan, kemudian barulah dijual kepada pelanggan untuk mengelak pelanggan dari dikenakan bayaran faedah interest 10.5% kerana pembiaya lewat membayar tuntutan berperingkat daripada pemaju perumahan.

Tempoh masa 14 hari yang diperuntukkan oleh Akta Pemaju Perumahan (Kawalan Dan Pelesenan) 1966 (AKTA 118) Bil.8, tidak sesuai dipakai dalam urusniaga Skim Perbankan Tanpa Faedah. Ini kerana tidak ada satu urusniaga

jualbeli rumah dan harta tanah yang boleh dilaksanakan dalam tempoh seperti itu, bahkan suatu tempoh yang hampir mustahil untuk dilaksanakan. Selagi tempoh tersebut tidak berubah maka selama itu pelanggan akan tetap dikenakan bayaran interest 10.5% kerana bayaran lewat. Oleh itu peruntukan masa 14 hari dalam Akta Pemaju tersebut patut disemak semula oleh pihak Kerajaan untuk disesuaikan dengan Skim Perbankan Tanpa Faedah yang dilancarkan oleh Menteri Kewangan itu.

Kajian tesis ini juga mendapati adanya kakitangan bank-bank konvensional yang melaksanakan Skim Perbankan Tanpa Faedah yang tidak mahir dengan urusniaga pembiayaan tanpa riba yang ditawarkannya, bahkan terdapat segelintir daripada mereka yang kurang menghormati kehendak pelanggan, yang memilih urusniaga di bawah Skim Perbankan Tanpa Faedah. Oleh itu jika sekiranya kita ingin melihat Skim Perbankan Tanpa Faedah ini mendapat sambutan yang lebih baik dan menggalakkan lagi, maka setiap institusi kewangan bank, syarikat kewangan dan koperasi hendaklah menyediakan perkhidmatan yang cekap, pantas di samping memberikan layanan baik seperti pelanggan-pelanggan yang lain, bukan melemahkan semangat pelanggan yang ingin berurusniaga berlandaskan Mu'amalat Islam.

Kesimpulannya, bahawa pelaksanaan pinjaman dan pembiayaan tanpa riba dalam Skim Perbankan Tanpa Faedah ini masih di tahap permulaan. Sistem Mu'amalat Islam ini mestilah dilaksanakan oleh kakitangan bank, syarikat kewangan dan koperasi Islam dengan cekap, bersungguh-sungguh demi menjaga nama baik Islam itu sendiri. Kakitangan kaunter adalah barisan depan yang

pertama ditemui oleh pelanggan-pelanggan. Sekiranya pelanggan tidak mendapat gambaran baik berhubung dengan urusniaga tanpa riba, maka Skim Perbankan Tanpa Faedah yang dilancarkan oleh Kerajaan itu tidak membawa erti apa-apa kepada pelanggan, sedangkan pelanggan telah difahamkan terlebih dahulu kenapa riba itu diharamkan dan apakah bahaya keburukan orang yang makan riba. Maka dengan sebab itu mereka memilih urusniaga tanpa riba. Oleh itu mereka harus diberikan layanan dan semangat untuk berurusniaga tanpa riba, bukan membunuh semangat mereka.

Semua institusi kewangan haruslah prihatin, sekiranya mereka ingin memilih urusniaga berlandaskan hukum Islam. Setiap transaksi yang dijalankan mestilah mengikut hukum, rukun dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Shara^c. Tanpa mematuhi syarat-rukun yang penting itu, akibatnya boleh menjadikan transaksi pinjaman dan pembiayaan tanpa riba akan terbatal samasekali.

Dalam perlaksanaan pembiayaan al-Murābahah, penulis mendapati ada setengah institusi yang tidak mengambil berat dengan syarat dan rukun yang penting dalam mekanisme pembiayaan al-Murābahah, iaitu tidak menyebutkan dengan jelas kos harga barang dan keuntungan ketika transaksi aqad jual beli al-Murābahah dimeterai. Kos harga barang dan keuntungan adalah rukun yang wajib disebut oleh penjual atau pembiaya ketika menjual barang al-Murābahah itu kepada pelanggan, supaya ada hak khiyār yang boleh dibuat oleh pelanggan untuk menentukan keputusan membeli atau tidak. Tanpa menyebut kedua-dua perkara

yang penting itu maka bukanlah dinamakan urusniaga *al-Murābahah*, bahkan aqadnya juga terbatal.

Terdapat juga transaksi *al-Murābahah* yang berunsur riba yang tersembunyi, iaitu apabila institusi kewangan yang membiayai pelanggan membuat perjanjian supaya pelanggan mesti membeli barang yang ditempah oleh pembiaya bagi pihak pelanggan. Setiap keuntungan yang disebut lebih daripada kos harga belian ke atas barang yang dipesan itu, ulama menyebutnya sebagai riba yang tersembunyi, kerana tidak seharusnya ada ikatan perjanjian, selama barang tersebut belum sampai dan belum menjadi hak milik bank atau belum dibeli oleh bank. Islam melarang apa-apa perjanjian yang memaksa pembeli supaya membeli, atau perjanjian supaya penjual mesti menjual barang *al-Murābahah* yang belum menjadi hak miliknya yang sah.

Perbangkan Islam terutamanya dalam pinjaman dan pembiayaan tanpa riba, masih belum mendapat perhatian sepenuhnya dari kalangan umat Islam. Masih ramai lagi umat Islam daripada kakitangan Kerajaan, kakitangan bank, ahli perniagaan, kakitangan institusi agama Islam seperti kakitangan Jabatan Agama Islam, kakitangan sekolah-sekolah agama, kakitangan masjid dan surau, ahli-ahli pertubuhan-pertubuhan Islam yang membuat pinjaman dan urusniaga dengan cara riba. Samada dalam pinjaman membeli rumah, membeli kenderaan, membeli saham pelaburan dan membeli kelengkapan rumah, sehinggaalah kepada peralatan dapur seperti periok nasi, cerek air, pinggan mangkuk dan sebagainya, dibeli dengan hutang riba. Antara alasan mereka apabila disoalselidik ialah kerana keuntungan Skim Perbankan Tanpa Faedah dianggap mahal, proses

permohonannya lambat diluluskan, mengenakan syarat-syarat yang banyak dan minta bermacam-macam dokumen, tidak seperti pinjaman biasa yang hanya dengan slip gaji sudah cukup memadai.

Reaksi di atas menunjukkan maklumat rambang, tentang sambutan pelanggan terhadap Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) yang sedang berjalan sekarang ini masih dingin. Sedangkan kejayaan perlaksanaan Sistem Perbangunan Tanpa Faedah bergantung sepenuhnya kepada pelanggan. Masyarakat Islam mestilah didedahkan dengan cara yang lebih jelas, tentang pentingnya mereka memilih urusniaga tanpa riba ini. Mereka belum begitu sedar dan faham, tentang larangan Allah dan laksatNya terhadap orang yang suka memakan riba.

Umat Islam perlu memahami bahawa ilmu Mu'amalat Islam adalah suatu bidang ilmu Fardhu 'Ain, yang wajib dipelajari dan diamalkan dalam kehidupan seseorang Muslim. Ilmu Mu'amalat penting untuk seseorang itu mengetahui urusniaga yang halal atau yang haram. Malangnya umat Islam ramai yang masih jahil tentang ilmu ini, jahil tentang riba. Mereka bermula mencari rezeki yang halal dengan menggunakan pinjaman riba, atau mengurus kewangannya dengan cara riba dan juga membeli saham daripada syarikat pelaburan yang menjalankan aktiviti riba.

Umat Islam yang ingin membuka perniagaan, disarankan supaya mempelajari bidang perniagaan dengan cara Islam. Oleh itu, tidak ada jalan yang lebih berkesan daripada mengembangkan ilmu Mu'amalat ini supaya dapat

dibangun seiring dengan hasrat perkembangan ekonomi negara. Kerajaan wajar menimbangkan bagaimana ilmu Mu'amalat Islam ini boleh dimasukkan ke dalam korikulum pendidikan sekolah melalui persembahan yang menarik, berkesan dan tidak menjemuhan. Tidak ada seorang manusia yang terlepas dari menjual atau membeli barang dalam hidupnya. Oleh itu, ilmu Mu'amalat mesti diajar di peringkat sekolah rendah lagi, supaya pelajar-pelajar itu mengetahui bagaimana seharusnya mereka melakukan urusniaga jual beli yang halal.

Pengetahuan Islam yang diajar di peringkat rendah dan menengah sekarang ini hanya tertumpu kepada ibadah, seperti bersuci, sembahyang, puasa, zakat dan haji sahaja. Manakala di peringkat pengajian tinggi pengetahuan agama Islam hanya menjadi mata pelajaran pilihan. Ilmu fardhu ‘Ain Mu'amalat Islam telah ditinggalkan samasekali dari korikulum. Pelajar-pelajar yang mengambil bidang ekonomi, akauntan, kewangan, pemasaran, perniagaan dan perbankan, patut diwajibkan mempelajari ilmu Mu'amalat Islam terutama dalam perbankan Islam yang sedang berjalan sekarang ini.

Melalui alat-alat masmedia seperti televisyen, radio, internet dan melalui berbagai-bagai teknologi maklumat yang ada, beberapa program boleh diatur dengan serius melalui arahan Kementerian Kewangan dan Penyiaran, supaya mengadakan beberapa rancangan terus menerus yang berbentuk iklan tentang perbankan Islam, program ceramah, forum, seminar dan kursus perbankan Islam.

Akhbar dan majalah, wajar memuatkan tulisan bersiri yang jelas tentang Mu'amalat Islam ini. Pakar perbankan Islam, ahli-ahli ekonomi Islam dan Mu'amalat Islam daripada bank-bank, pusat-pusat pengajian tinggi dan badan-badan korporat, seharusnya memberi sumbangan penulisan yang berterusan kepada masyarakat sebagai suatu usaha meningkatkan pengetahuan masyarakat kepada Mu'amalat Islam.

Urusniaga Mu'amalat Islam seperti pembiayaan *al-Bai 'u Bithaman Ajil* (BBA) dan *al-Murābahah*, masih terbatas di tempat-tempat tertentu sahaja, seperti di bank dan koperasi Islam. Pembiayaan tersebut tidak ditawarkan di tiap-tiap kedai pameran dan jualan kereta, terutama kereta nasional keluaran EON. Setiap pelanggaan yang datang membeli kereta, maka Credit Corporation Malaysia Bhd. (CCM) yang datang menawarkan diri atau yang ditawarkan oleh wakil penjual kepada pembeli, sekalipun pembeli itu bertanyakan SPTF, maka mereka akan menjelaskan SPTF tidak ada.

Oleh itu, Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) mestilah diarahkan oleh pihak Kerajaan, terutama kepada yang mengedarkan kereta nasional (EON), supaya semua urusniaga jual belinya menawarkan sistem pembiayaan tanpa faedah, di samping pinjaman faedah riba yang sedia ada, seperti yang diamalkan oleh bank-bank konvensional yang membuka kaunter SPTF di samping pinjaman konvensional yang sedia ada. Tanpa arahan daripada pihak yang bertanggungjawab, sistem pembiayaan tanpa faedah bukan sahaja tidak akan dilaksanakan secara menyeluruh, tetapi juga menjadi ejekan oleh sesetengah pihak, walaupun mereka seorang yang muslim.

Sekiranya bank-bank konvensional mampu mewujudkan kaunter SPTF, penulis percaya semua institusi perniagaan, perusahaan, perindustrian dan semua bentuk perkhidmatan, kerajaan atau swasta, atau separuh kerajaan, seperti UDAPEC SDN. BHD.(UDAPEC), Edaran Otomobil Nasional Bhd. (EON), Bank Simpanan Nasional, boleh melaksanakan Sistem Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) yang telah dilancarkan oleh kerajaan, sekurang-kurangnya untuk memberikan alternatif kepada pelanggannya yang mahu berurusniaga mengikut lunas-lunas Islam, seperti dalam pembelian rumah dengan pihak pemaju (UDAPEC), pembelian kereta dengan EON, pembelian saham ASN dan ASB dengan Bank Simpanan Nasional Bhd.

Sebaik-baik perlaksanaan ialah tanpa arahan dan undang-undang yang menghukum mereka. Tetapi tidak semua perlaksanaan berjalan baik tanpa arahan. Undang-undang tidak semestinya menyekat kebebasan seseorang rakyat, arahan dan undang-undang melaksanakan kebaikan adalah suatu yang dituntut, terutama arahan dan larangan itu datangnya dari Allah s.w.t., seperti arahan berjualbeli dengan cara yang halal dan larangan memakan riba yang diharamkan.

Adalah suatu perkara yang sangat ganjil, orang Islam meragui sistem perbankan Islam, sedangkan orang-orang yang bukan Islam pula boleh menerima dan lebih percaya kepada sistem perbankan Islam itu. Pemimpin-pemimpin masyarakat, pemimpin politik, ulama-ulama, ahli-ahli ekonomi Islam dan kakitangan perbankan Islam seharusnya bersepaktu menyampaikan kesahaman fardhu ^cAin ini untuk meningkatkan keyakinan umat Islam kepada sistem Islam

yang syumul itu, agar kita tidak menghadapi krisis dalam Mu'amalat Islam pada masa akan datang.

Tesis ini juga telah membincangkan kegiatan koperasi Islam sebagai institusi yang turut memberikan pinjaman dan pembiayaan tanpa riba. Koperasi Islam haruslah menggerakkan depositnya dalam jangka masa lebih lama, dan dalam bidang-bidang yang lebih menguntungkan. Ini bermakna koperasi memerlukan kepakaran, untuk mengenal pasti urusniaga kewangan dan pelaburan yang mempunyai jangka masa yang panjang dan menguntungkan, bukan bidang-bidang pelaburan jangka pendek yang kurang menguntungkan. Koperasi yang mempunyai dana yang besar, harus mengubah operasi urusniaganya seperti sebuah Bank Islam, beroperasi seperti bank, menjalankan urusniaga seperti bank dan mempunyai perkhidmatan pelanggan seperti bank, tetapi ianya bergerak di bawah Akta Koperasi seperti Bank Rakyat.

Sekiranya koperasi tidak mempunyai cita-cita untuk membesarkan operasinya seperti sebuah bank, tetapi ia mestilah meningkatkan kelayakan ahli-ahlinya dengan kemahiran dan pengetahuan yang lebih tinggi, hingga ke peringkat ijazah. Barisan tenaga yang berpengetahuan tinggi, menjadi aset pelaburan jangka panjang kepada koperasi. Sekiranya koperasi dapat melengkapkan kakitangan pentadbirannya dengan pegawai berijazah, ada pengalaman bekerja dalam perbankan Islam, sebagai seorang pegawai bank, maka koperasi pasti boleh berkembang dan bersaing dalam perlaksanaan sistem perbankan tanpa faedah, bersama-sama dengan institusi kewangan Islam yang lain.

Sekarang ini koperasi berjalan dengan mekanisme yang masih terhad dengan prinsip *al-Bai^r Bithaman Ajil*, *al-Murābahah*, *al-Mudārabah* dan *al-Wadīah*. Oleh itu koperasi harus memperbanyakkan lagi kegiatannya dan mempelbagaikan lagi mekanisme Shari'ah, supaya boleh berkembang lebih luas dan lebih besar. Koperasi Islam harus membuka akaun *al-Wadīah* kepada pelanggan-pelanggannya dan boleh menjalankan urusniaga secara tunai, pada bila-bila masa yang mereka perlukan, di samping itu koperasi disaran tidak menumpukan kegiatannya di satu tempat sahaja, bahkan boleh didapati di mana-mana sahaja di seluruh negara, supaya ahli-ahli dapat berurusniaga dengan koperasi di mana-mana sahaja mereka pergi.

Akhir sekali tesis ini telah membincangkan pembiayaan *al-Mudārabah*, Bank Islam Malaysia Bhd. (BIMB) telah mengeluarkan pembiayaan *al-Mudārabah* pada tahun 1991 berjumlah RM321 ribu, pada tahun 1992 berjumlah RM2.2 juta, pada tahun 1993 RM2.0 juta, pada tahun 1994 berjumlah RM3.3 juta dan pada tahun 1995 berjumlah RM11.5 juta.

Sistem Perbankan Tanpa Faedah, yang dilaksanakan oleh bank-bank konvensional mempunyai deposit pelaburan berjumlah RM1,994 juta pada tahun 1994 dan RM3,026 juta pada tahun 1995. Mengikut Laporan Bank Negara Malaysia pada tahun 1995, pembiayaan *al-Mudārabah* yang diberikan di bawah Sistem Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) kepada individu untuk membeli saham dan Unit Amanah telah berkurangan kepada jumlah RM143.6 juta, berbanding dengan RM370.7 juta yang diberikan pada tahun 1994. Ini adalah disebabkan Tabung Unit Amanah Kerajaan negeri telah dilancarkan di bawah prinsip *al-*

Mudarabah. Jumlah pembiayaan untuk tujuan ini adalah sebanyak 17.3% daripada jumlah pembiayaan terkumpul pada akhir tahun 1995.

Syarikat-syarikat kewangan di bawah Sistem Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) juga telah mencatatkan deposit pelaburannya pada tahun 1995 sebanyak RM4,856 juta, berbanding pada tahun 1994 dengan hanya RM1,283. Tesis ini membuat kesimpulan bahawa mekanisme al-Mudarabah adalah suatu bentuk perniagaan masa kini yang sangat menguntungkan, manakala institusi kewangan banyak mengembangkan modalnya dengan melalui pelaburan. Umat Islam juga sudah terdorong dengan mencari kekayaan melalui pelaburan. Berdasarkan statistik yang lalu, semua institusi kewangan telah melibatkan kegiatan kewangannya dalam pelaburan.

Sekarang umat Islam sudah ramai yang pandai melabur. Masalahnya ialah ramai yang melabur tanpa mengira jenis pelaburan. Mereka melabur ke dalam apa sahaja syarikat yang dirasa oleh mereka pasti membawa keuntungan besar tanpa mengira samada halal atau haram. Yang penting mereka mahu mendapat keuntungan yang segera dan cepat kaya, sekalipun syarikat pelaburan tersebut menjalankan aktiviti yang haram, seperti Genting Berhad sebuah syarikat perjudian, Fima Berhad yang menjalankan insdustri membuat makanan khinzir, Megnum Corporation Bhd. yang menjalankan judi empat nomor ekor, Manufacture of Brandy Bhd. yang menjalankan perusahaan minuman arak dan sebagainya.

Umat Islam juga seharus tidak terperangkap dengan syarikat pelaburan yang menjalankan aktivitinya yang halal, tetapi urusniaganya membabitkan urusniaga

riba, seperti urusniaga Money Lending, Hire Purchaes, Insurance yang bukan Islam dan pinjaman riba dengan bank, atau ada faedah riba dalam urusniaga kewangannya.

Pelabur-pelabur Islam yang didapati terlibat dengan spekulasi, patut berfikir supaya tidak membuat pelaburan jangka pendek. Mereka patut mengubah sikap untuk membuat pelaburan jangka panjang tanpa melibatkan diri dengan kegiatan ahli-ahli spekulasi, kerana bukan sahaja akan menguntungkan diri para pelabur, tetapi juga masa depan pelaburan yang lebih murni supaya ahli-ahli spekulasi juga akan dapat sama keuntungannya. Sebagai seorang Islam yang ingin melabur patut berfikir bagaimana menjadi pelabur Muslim yang baik mengikut prinsip-prinsip dalam Islam. Suatu etika pelabur Islam perlu disusun untuk mengawal pergerakkan para pelabur agar tidak keterlaluan. Peraturan juga perlu bagi menjaga disiplin ahli para pelabur, untuk mengawal ahli-ahli spekulasi dari melakukan urusniaga yang bertentangan dengan hukum dan prinsip-prinsip Islam.

Masalah syarikat pelaburan yang diisyihar bersih, tetapi masih terdapat unsur-unsur yang meragukan, seperti Syarikat Sime Darbey Bhd. telah mengusahakan kedai bebas cukai di Lapangan Terbang Sultan Abd. Aziz Shah, dengan penjualan berbagai-bagai jenama arak dan dilanggani oleh Amanah Saham Johor (ASJ). Oleh itu Bank Negara haruslah mewujudkan satu Suruhanjaya Sekuriti Shari'ah yang menyelaras seluruh Majlis Pengawasan Shari'ah yang ada di institusi kewangan samada bank, atau syarikat kewangan. Perkara ini sangat penting supaya kajian dan keputusan ahli-ahli Majlis Pengawasan Shari'ah yang dilantik oleh institusi kewangan dapat dimanfaatkan oleh semua pihak, tanpa timbul percanggahan atau keputusan yang masih diragukan.

Peranan Suruhanjaya mungkin berat, tetapi sangat penting untuk menentukan keputusan akhir urusniaga bank atau pelaburan halal atau haram. Suruhanjaya tidak hanya sekadar bersidang bila ada kes, atau bila diberikan kertas laporan kegiatan urusniaga syarikat pelaburan atau bank, tetapi sebaiknya boleh menjalankan kerja sepenuh masa menjalankan kajian dan penyelidikan secara lebih profesional yang dilindungi oleh undang-undang, bebas menyelinap masuk ke dalam lapangan kegiatan syarikat pelaburan, untuk mengenal pasti kegiatan sebenar halal atau haram.

Suruhanjaya ini mestilah mempunyai pegawai yang khas dan berkemahiran dalam dua bidang, iaitu bidang hukum-hukum Mu'amalat Islam, selok belok urusniaga kewangan bank dan pelaburan masa kini. Tujuannya supaya perakuan yang dibuat oleh Suruhanjaya Sekuriti Shari'ah adalah suatu perakuan yang berdasarkan kajian sebenar, terperinci, turun ke lapangan kegiatan syarikat, melihat dengan mata kepala sendiri, kemudian membuat penilaian mengikut prinsip hukum yang sah dan diputus secara muktamad oleh Suruhanjaya, sebagai tempat rujukan semua institusi kewangan dan pelaburan.

Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) adalah sebuah pasaran saham yang bercampur-campur antara pelaburan yang halal dengan yang haram, ataupun antara syarikat yang berjalan dengan urusniaga riba, dengan syarikat yang berjalan dengan urusniaga cara Islam. Bercampur-campur dengan ahli-ahli spekulasi yang melabur untuk mendapatkan keuntungan jangka pendek, dengan pelabur-pelabur sebenar yang hendak mencari keuntungan jangka panjang, tentulah suasana pasaran saham seperti itu kurang sesuai mengikut Islam.

Memandangkan perkembangan yang menggalakkan kepada syarikat-syarikat Islam dengan urusniaga pelaburan *al-Mudarabah*, seperti Bank Islam, bank-bank konvensional yang menjalankan Sistem Perbankan Islam (SPTF), syarikat-syarikat kewangan Islam, dan koperasi-koperasi Islam, maka sampailah masanya Bursa Saham Mu'amalat Islam di tubuhkan, yang boleh menjalankan urusniaganya di peringkat antara bangsa. Bukan sahaja dilanggani oleh syarikat-syarikat dan pelabur-pelabur tempatan, tetapi juga yang datang dari luar negara, daripada negara-negara Islam dan umat Islam di seluruh dunia.

Kesimpulannya, Sistem Perbankan Islam atau Mu'amalat Islam masih dianggap dalam peringkat awal perlaksanaan. Ini diakui sendiri oleh Bank Negara Malaysia dalam Laporan Tahunan 1995, "sebagai Perbankan Islam yang masih dalam peringkat awal pertumbuhan". Dalam memperkemaskan produk Mu'amalat yang sedang dilaksanakan, Perbankan Islam juga masih terus membuat penyelidikan mencari-cari apakah produk baru dan mekanisme baru yang harus diguna pakai untuk dikemukakan dalam Skim Perbankan Tanpa Faedah pada masa akan datang, sesuai dengan permintaan pelanggan dan perkembangan urusniaga kewangan Islam masa kini.

Akhirnya segala kejayaan Skim Perbankan Tanpa Faedah yang dilaksanakan, mestilah dimulakan dengan niat yang ikhlas untuk mencari rezeki dan kekayaan yang halal dan berkat. Bagi mencapai niat yang murni itu, setiap perlaksanaan memerlukan ilmu yang mendalam, amalan urusniaga yang mematuhi lunas-lunas hukum Shara^e dan etika kerja berdasarkan akhlak Islam yang baik. Semakin seseorang itu sibuk dengan perniagaan, semakinlah dekat dirinya dengan

Allah, kerana kekayaan yang dikehjari itu ada di sisi Allah s.w.t.. Semoga setiap orang yang terlibat dalam urusniaga kekayaan ini, samada daripada ahli-ahli bank, usahawan, ahli-ahli korporat, pelabur dan yang lain-lain tidak akan dilalaikan dengan perniagaan dan kekayaan semata-mata. *Wa b illahi al-Taufiq wa al-Hidayah, wa al-^lHamd li llahi Rabb al-^cAlamin.*

)